Ong Ko Lynn lwn Cheah Beng Keong dan satu lagi [2026] MLJU 4369

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (GEORGE TOWN)

FATHIYAH IDRIS H

SAMAN PEMULA NO PA-24NCC-48-11 TAHUN 2025

21 September 2026

Amely Khoo May Yee (Amely Khoo & Co) bagi pihak plaintif.
Beh Hong Shien (bersamanya Imanina Iwani bt Wahid) (Y C Wong) bagi pihak defendan.

Fathiyah Idris H:

ALASAN PENGHAKIMAN

Pengenalan

[1] Saman Pemula (Lampiran 1) ini difailkan oleh Ong Ko Lyn (Plaintif) pada 13 November 2025 di bawah seksyen 346 Akta Syarikat 2016. Plaintif memohon, antara lain, suatu deklarasi bahawa Defendan Pertama telah mengendalikan hal ehwal Defendan Kedua dengan cara yang menindas, tidak adil dan memudaratkan kepentingan Plaintif sebagai pemegang saham minoriti.

[2] Relif utama yang dipohon oleh Plaintif ialah Defendan Pertama membeli 10,000 saham milik Plaintif dalam Defendan Kedua pada nilai adil yang ditentukan melalui penilaian bebas. Plaintif turut memohon Defendan Pertama mengemukakan rekod kewangan yang diperlukan bagi tujuan penilaian. Sebagai alternatif, Plaintif memohon supaya Defendan Kedua digulung.

Keputusan Mahkamah

[3] Mahkamah ini telah meneliti semua afidavit dan eksibit, serta menghalusi hujahan bertulis kedua-dua pihak serta autoriti yang dirujuk, Mahkamah memutuskan bahawa Plaintif telah berjaya membuktikan wujudnya unsur penindasan / unfair prejudice di bawah seksyen 346 Akta Syarikat 2016 yang menjejaskan hak Plaintif sebagai pemegang saham minoriti, khususnya berhubung kegagalan memberi akses kepada rekod kewangan dan kegagalan menyediakan / mengemukakan penyata kewangan syarikat.

[4] Selanjutnya Mahkamah membenarkan Permohonan Plaintif di Lampiran 1 bagi relif 1, 2, 3 dan 5 berserta kos sejumlah RM5,000 ditanggung oleh Defendan-defendan.

[5] Akhirnya bagi memastikan proses penilaian dibuat secara bebas, telus dan adil, Mahkamah mengarahkan pihak-pihak untuk bersetuju terhadap pelantikan seorang penilai bebas dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah ini. Sekiranya tiada persetujuan dicapai, mana-mana pihak diberi kebebasan untuk memohon kepada Mahkamah ini untuk pelantikan penilai bebas. Penilai bebas tersebut hendaklah diberi akses penuh kepada semua rekod kewangan dan dokumen berkaitan Defendan Kedua bagi membolehkannya menentukan nilai saham Plaintif secara adil atas asas Defendan Kedua sebagai Syarikat yang sedang beroperasi.

[6] Pada 6 Ogos 2026, pihak Defendan pertama (Cheah Beng Keong) telah memfailkan Notis rayuan terhadap keputusan Mahkamah ini bertarikh 8 Julai 2026. Ini adalah Alasan penghakiman terhadap keputusan tersebut.

Fakta Latar Belakang Kes

[7] Plaintif dan Defendan Pertama telah berkahwin sejak 22 Jun 2003 dan mereka juga secara bersama terlibat dalam kegiatan perniagaan yang berkaitan dengan Embedded Product Solution dan kemudiannya Defendan Kedua.

[8] Defendan Kedua diperbadankan pada 25 Mac 2016 dengan nama CEPCO Integration Sdn. Bhd. dan menjalankan perniagaan pemasangan dan pembuatan produk elektronik dan elektrik, termasuk pemasangan papan litar bercetak. Pada 28 Mei 2020, namanya ditukar kepada EPS Integration Sdn. Bhd.

[9] Pada peringkat awal, Defendan Pertama memegang 90% saham Defendan Kedua manakala CEPCO Electronics Sdn. Bhd. memegang baki 10%. Apabila CEPCO Electronics Sdn. Bhd. menarik diri daripada usaha sama itu, pegangan 10% tersebut dipindahkan kepada Plaintif pada 21 September 2017. Pihak pihak berbeza pendirian tentang asas pemindahan tersebut, tetapi tidak dipertikaikan bahawa Plaintif ialah pemilik berdaftar 10% saham tersebut.

[10] Pada tahun 2021, modal berbayar Defendan Kedua ditingkatkan daripada RM100.00 kepada RM 100,000.00 melalui penerbitan 99,900 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pada masa material, struktur pegangan saham Defendan Kedua ialah 90,000 saham atau 90% dipegang oleh Defendan Pertama dan 10,000 saham atau 10% dipegang oleh Plaintif.

[11] Plaintif dan Defendan Pertama juga merupakan dua orang pengarah Defendan Kedua. Sebelum hubungan perkahwinan mereka terjejas, Plaintif terlibat dalam operasi, akaun, pengambilan pekerja, rantaian bekalan, perolehan, pentadbiran, stor, logistik dan sebahagian urusan jualan. Defendan Pertama mempertikaikan peranan Plaintif yang tersebut dan menegaskan bahawa Plaintif hanya mengendalikan urusan akaun dan kewangan.

[12] Perniagaan Defendan Kedua berkembang selepas memperolehi projek daripada Rapid Growth Technology sekitar November 2020. Dokumen yang dikemukakan menunjukkan bahawa syarikat menjalankan urusan dengan pasaran luar negara dan mempunyai operasi yang berterusan. Penyata kewangan teraudit bagi tahuntahun terdahulu, termasuk tahun 2017, 2019 dan 2020, telah disediakan.

[13] Hubungan peribadi antara Plaintif dan Defendan Pertama mula merosot sekitar November 2023 dan presiding perceraian kemudiannya dimulakan melalui Petisyen Perceraian No. PA-33-376-12/2024.

[14] Pada 12 Julai 2024, Plaintif mengemukakan peletakan jawatan sebagai Pengurus Operasi dengan tarikh akhir perkhidmatan yang dicadangkan pada 13 September 2024. Peletakan jawatan tersebut tidak meliputi jawatannya sebagai pengarah atau kedudukannya sebagai pemegang saham Defendan Kedua.

[15] Melalui komunikasi WhatsApp bertarikh 25 Julai 2024, Defendan Pertama mengarahkan Plaintif supaya tidak lagi hadir ke pejabat. Selepas itu, penglibatan praktikal Plaintif dalam pengurusan dan aksesnya kepada rekod Defendan Kedua menjadi perkara yang dipertikaikan dalam tindakan ini.

[16] Defendan Kedua menerima notis di bawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang meminta supaya semua dokumen perakaunan dikemukakan. Pada 13 Mac 2025, peguamcara Plaintif meminta penyata kewangan, laporan dan rekod perakaunan Defendan Kedua bagi tahun 2021 dan seterusnya, termasuk akaun pengurusan, penyata bank, lejar am, baucar pembayaran, rekod emolumen pengarah dan laporan inventori.

[17] Pada 17 Mac 2025, Defendan Pertama melalui peguamcaranya menuntut supaya Plaintif menyediakan dokumen dan akaun kewangan bagi tahun kewangan 2021 hingga 2024. Pada 24 Mac 2025, Plaintif menawarkan bantuan untuk membetulkan sebarang kesilapan atau ketidaktepatan dalam dokumen kewangan. Bagi tujuan itu, Plaintif meminta akses kepada sistem perakaunan *Autocount* dan dokumen sokongan Defendan Kedua.

[18] Pada 28 Mac 2025, peguamcara Defendan Pertama mengarahkan Plaintif berhubung terus dengan akauntan. Menurut Plaintif, apabila beliau berbuat demikian, beliau hanya diminta membantu menyiapkan akaun Embedded bagi tahun 2021 dan 2022, bukan akaun Defendan Kedua. Akses kepada Autocount yang diminta juga tidak diberikan.

[19] Penyata kewangan Defendan Kedua bagi tahun 2021 dan tahun- ^ tahun berikutnya masih belum dimuktamadkan dan belum diedarkan. Plaintif mendakwa terdapat dua set draf akaun dan proses untuk memuktamad terhenti selepas seorang perunding dilantik oleh Defendan Pertama. Defendan Pertama pula menyatakan bahawa akaun belum dapat dimuktamadkan kerana catatan yang salah dan dokumen sokongan belum lengkap, yang menurut Defendan Pertama berpunca daripada kegagalan Plaintif sendiri.

[20] Fakta utama yang tidak dipertikaikan ialah Plaintif masih merupakan pemegang 10% saham dan pengarah kepada Defendan Kedua, Defendan Pertama memegang 90% saham, penyata kewangan bagi beberapa tahun belum dimuktamadkan atau diedarkan, dan pertikaian mengenai akses rekod serta tanggungjawab menyelesaikan akaun masih berterusan ketika tindakan ini dimulakan.

Hujahan Plaintif

[21] Bahawa kegagalan berpanjangan untuk memuktamadkan dan mengedarkan penyata kewangan, penafian

akses kepada Autocount dan rekod sokongan, serta arahan supaya beliau tidak hadir ke pejabat telah menghalangnya daripada mengetahui kedudukan kewangan Defendan Kedua dan nilai sebenar 10,000 sahamnya.

[22] Bahawa tanggungjawab untuk menyediakan akaun dari tahun 2021 hingga 2024 bukan terletak pada Plaintif secara eksklusif. Tiada apa-apa perjanjian pemegang saham atau dokumen lain yang meletakkan tanggungjawab itu secara berterusan kepadanya. Plaintif juga menegaskan bahawa akuan berkanun yang pernah ditandatanganinya berhubung rekod perakaunan terdahulu tidak mewujudkan satu tanggungjawab bagi tahun-tahun yang berikutnya.

[23] Plaintif menegaskan bahawa beliau telah bertindak dengan suci hati apabila menawarkan bantuan untuk membetulkan akaun. Namun, bantuan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa akses kepada sistem dan dokumen. Adalah tidak wajar bagi Defendan Pertama meletakkan kesalahan keatas Plaintif atas kegagalan menyiapkan akaun kerana pada masa yang sama Plaintif tidak mendapat akses yang diperlukan.

[24] Plaintif bergantung pada seksyen 346 Akta Syarikat 2016 serta prinsip dalam *Pan-Pacific Construction Holdings Sdn. Bhd. v Ngiu-Kee Corporation (M) Bhd & Anor* (2010) 6 CLJ 721 dan *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn. Bhd.* (1978) 2 MLJ 227 yang dipetik seperti berikut:

> *[29] Thus, in Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung* [1978] CLJU 170 ; [1978] 1 LNS 170 *the term 'disregard of interests' is to be understood to mean 'unfair disregard' while 'oppression' denotes an 'unfairly prejudicial conduct' which means a conduct 'departing from standards of fair dealing and a violation of conditions of fair play'. But 'a member of a company will not ordinarily be entitled to complain of unfairness unless there has been some breach of the terms on which he agreed that the affairs of the company should be conducted'. And 'trivial or technical infringements of the articles were not intended to give rise to petitions under* s. 459*'. (See: Re Saul D Harrison & Sons Pic (supra).*

[25] Plaintif turut bergantung pada kes *Owen Sim Liang Khui v Piasau Sdn. Bhd. & Anor* (1996) 4 CLJ 716 FC dan berhujah bahawa kesan keseluruhan perlakuan yang diadukan perlu dinilai. Selanjutnya Plaintif merujuk kes *Tob Chee Hoong v Tob Chee Choong & Ors* [2017] MLJU 1303, di mana keputusan Mahkamah Tinggi dipetik seperti berikut: *"that exclusion from management without option to exit constitutes oppression".*

[26] Plaintif berhujah bahawa berdasarkan keputusan dalam kes tersebut menunjukkan Mahkamah mengiktiraf bahawa menghalang penyertaan minoriti dalam tadbir urus korporat dan menahan maklumat kewangan adalah bersifat menindas dan memudaratkan secara tidak saksama.

[27] Menurut Plaintif, prejudis yang dialaminya bukan sekadar risiko statutori sebagai pengarah, malahan tanpa rekod kewangan, beliau tidak dapat menilai pegangan sahamnya, tidak mengetahui keuntungan syarikat, tidak dapat mempertimbangkan hak terhadap dividen atau mengambil bahagian secara bermakna dalam keputusan sebagai ahli. Oleh itu, aduan tersebut menjejaskannya dalam kapasiti qua member.

[28] Akhirnya Plaintif memohon perintah pembelian saham sebagai relif utama, manakala penggulungan hanya dipohon sebagai alternatif sekiranya hubungan pihak-pihak dan pengurusan syarikat tidak lagi dapat dipulihkan.

Hujahan Defendan Pertama

[29] Bahawa Plaintif gagal membuktikan penindasan, malahan Plaintif masih kekal sebagai pengarah dan pemegang saham. Plaintif tidak pernah disingkirkan melalui sebarang resolusi korporat.

[30] Bahawa Defendan Kedua hanya mempunyai dua pengarah dan dua pemegang saham. Kehadiran kedua-duanya diperlukan untuk membentuk kuorum. Oleh itu, tiada resolusi boleh diluluskan tanpa penyertaan Plaintif, dan Defendan Pertama tidak mempunyai kuasa mutlak walaupun memegang 90% saham.

[31] Bahawa Plaintif ialah orang yang bertanggungjawab terhadap rekod perakaunan dan pengurusan kewangan. Defendan Pertama bergantung pada akuan berkanun dalam laporan kewangan terdahulu yang ditandatangani oleh Plaintif.

[32] Bahawa penyata kewangan belum sedia untuk diedarkan kerana kesilapan catatan dan ketiadaan dokumen sokongan, bukannya kerana beliau sengaja menahan akaun yang telah lengkap. Plaintif telah diminta bekerjasama dengan juruaudit untuk menyelesaikan atau melengkapkan rekod kewangan tersebut.

[33] Defendan Pertama merujuk kepada kes *Ghanesh a/l Periasamy & Ors v Glamjaya Sdn. Bhd. & Ors* (2017) MLJU 1923 yang dipetik seperti berikut:

"[90] In my assessment, as the financials of the first respondent company showed, the second respondent's explanation on the non-preparation of the audited accounts in recent years due to lack of company funds is not unreasonable. It is true that the respondents only prepared them after the filing of the action. This would probably be a breach of Section 169 of the CA *on the responsibility of every company to lay before its shareholders the audited profit and loss account, balance sheet as well as its directors' report every year. This would result in action be taken against the company and its directors by CCM but that would not per se be a matter that amount to minority oppression."*

[34] Defendan Pertama berhujah bahawa prinsip dalam kes di atas jelas menunjukkan kegagalan menyediakan akaun teraudit tidak termasuk dalam penindasan kepada minoriti.

[35] Dakwaan Plaintif berhubung tugasnya dalam perakaunan, akses pejabat dan penglibatan dalam pengurusan adalah berkaitan kedudukannya sebagai pengarah atau pekerja, bukan sebagai ahli. Plaintif juga tidak membuktikan kerugian kewangan atau pengurangan nilai saham yang khusus kepadanya.

[36] Akhirnya, Defendan Pertama menyatakan bahawa tindakan ini merupakan penyalahgunaan proses untuk memberikan tekanan dalam presiding perceraian. Plaintif telah menuntut bahagian daripada saham Defendan Pertama sebagai harta perkahwinan dan, pada masa yang sama, memohon penjualan 10% sahamnya sendiri dalam tindakan ini.

Isu Untuk Diputuskan

[37] Berdasarkan keterangan melalui affidavit-afidavit oleh kedua-dua pihak dan hujahan yang telah dikemukakan, Mahkamah ini mendapati isu yang perlu diputuskan ialah:

(a) sama ada perlakuan Defendan pertama telah dibuktikan atas imbangan kebarangkalian;

(b) sama ada perlakuan tersebut menjejaskan Plaintif dalam kapasitinya sebagai ahli atau hanya berkaitan kedudukannya sebagai pengarah atau pekerja;

(c) sama ada cara hal ehwal Defendan Kedua dikendalikan merupakan penindasan, pengabaian tidak adil terhadap kepentingan ahli atau perlakuan prejudis menurut seksyen 346;

(d) sama ada tindakan ini dimulakan bagi tujuan sampingan iaitu satu tekanan dalam presiding perceraian dan patut ditolak atas prinsip ekuiti; dan

(e) jika penindasan dibuktikan, apakah relif yang paling sesuai untuk menamatkan atau memulihkan perkara yang diadukan.

Prinsip Undang Undang

[38] Beban membuktikan penindasan terletak pada Plaintif. Plaintif hendaklah membuktikan kesnya berdasarkan imbangan kebarangkalian. Relif di bawah seksyen 346 pula bersifat ekuiti dan tertakluk kepada budi bicara Mahkamah. Pihak yang memohon bidang kuasa ekuiti hendaklah bertindak dengan suci hati dan datang dengan tangan yang bersih.

[39] Seksyen 346(1) membenarkan seseorang ahli memohon relif apabila hal ehwal syarikat dikendalikan atau kuasa pengarah dilaksanakan dengan cara yang menindas atau mengabaikan kepentingannya sebagai ahli, atau apabila sesuatu tindakan atau resolusi syarikat secara tidak adil, mendiskriminasi atau memudaratkan seorang atau lebih ahli.

[40] Terdapat dua ciri penting dalam peruntukan itu, iaitu **Pertama,** relif tersedia kepada seseorang yang dianiayai dalam kapasitinya sebagai ahli. Frasa *"mengabaikan kepentingannya sebagai ahli"* dan *"memudaratkan seorang atau lebih ahli"* mengarahkan penelitian Mahkamah kepada kemudaratan yang dialami qua member.

[41] Dalam kes *Low Cheng Teik & Ors v Low Ean Nee* [2024] 9 CLJ 171, Nallini Pathmanathan HMP dalam penghakimannya menyatakan:- .

(1) Kriteria berikut dicadangkan sebagai asas untuk membentuk ujian undang-undang demi menentukan sama ada aduan seorang pemegang saham boleh didakwa bawah s. 346 *Akta atau lebih sesuai bagi pihak syarikat bawah* s. 347 *Akta: (i) apakah tindakan atau perilaku yang satu atau lebih pemegang saham adukan - ringkasnya, kenal pasti tindakan, siri tindakan atau ketinggalan; (ii) bolehkah tindakan atau ketinggalan disifatkan sebagai, (a) menindas; (b) mengabaikan kepentingan; (c) mendiskriminasi secara tidak adil; atau (d) memprejudis, satu atau lebih pemegang saham; (Hi) adakah*

kausa tindakan terletak hak pada pemegang saham atau syarikat; (iv) siapakah yang mengalami kerugian atau kerosakan susulan kesalahan yang dilakukan - pemegang saham dalam kapasitinya sebagai pemegang saham atau syarikat; dan (v) adakah kerugian yang dialami oleh pemegang saham, sebagai plaintif, asing dan berbeza buat plaintif dalam kapasitinya sebagai pemegang saham atau adakah kerugian ini dialami oleh kesemua pemegang saham.

[42] Kedua, perlakuan yang diadukan mestilah benar-benar merupakan penindasan, pengabaian tidak adil, diskriminasi atau perlakuan prejudis. Dalam *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors v. Ling Beng Sung* (1978) CLJU 170, penindasan dihuraikan sebagai penyimpangan nyata daripada standard urusan yang adil dan pelanggaran syarat permainan yang saksama yang berhak dijangkakan oleh seseorang pemegang saham.

[43] Dalam menilai penindasan, Mahkamah boleh meneliti tindakan secara berasingan dan secara kumulatif. Sesuatu perbuatan yang apabila dilihat bersendirian kelihatan neutral, tetapi mungkin mempunyai kesan prejudis apabila digabungkan dengan penafian maklumat, pengasingan daripada pengurusan dan kegagalan berpanjangan mematuhi kewajipan kewangan syarikat.

[44] Di dalam kes Ghanesh (supra) tidak menetapkan bahawa kegagalan menyediakan akaun langsung tidak boleh dianggap sebagai penindasan. Kes itu menunjukkan bahawa ketidakpatuhan statutori tidak semestinya menjadi penindasan apabila terdapat penjelasan munasabah dan tiada prejudis qua member. Hasilnya bergantung pada sebab kegagalan, tempohnya, akses ahli kepada maklumat dan kesannya terhadap hak keahlian.

[45] Mahkamah ini juga mengambil kira pendekatan dalam kes *Wah Poh Keng Vs Wong Nyok Pin dan satu lagi* (2026) CLJU 2458, di mana dalam kes tersebut tuntutan Plaintif telah ditolak kerana perkara yang diadu adalah merupakan pertikaian pengurusan antara pengarah bersama. Plaintif dalam kes tersebut terus melaksanakan fungsi hariannya, terus mempunyai akses kepada maklumat syarikat dan Plaintif tidak dapat menunjukkan tindakan pengasingan yang khusus. Kes itu tidak menetapkan bahawa status formal sebagai pengarah sentiasa menafikan suatu tuntutan penindasan.

Analisis Dan Dapatan Mahkamah

Kawalan Sebenar Dan Kedudukan Formal Plaintif

[46] Adalah tidak dipertikaikan bahawa Defendan Pertama memegang 90% saham Defendan Kedua. Pegangan tersebut memberinya kawalan ekonomi dan pengaruh yang dominan terhadap hala tuju syarikat. Walaupun mesyuarat memerlukan kehadiran dua orang untuk mencukupi kuorum, perkara itu tidak menafikan hakikat bahawa Defendan Pertama masih mengawal syarikat dari sudut pegangan saham dan operasi harian.

[47] Mahkamah ini menolak hujah Defendan bahawa ketiadaan resolusi rasmi yang menyingkirkan Plaintif adalah memadai untuk membuktikan Plaintif tidak disingkirkan. Ini kerana seksyen 346 tidak terhad kepada resolusi korporat.

[48] Seksyen 346 menyatakan seperti berikut: -

(1) Any member or debenture holder of a company may apply to the Court for an order under this section on the ground-fa) that the affairs of the company are being conducted or the powers of the directors are being exercised in a manner oppressive to one or more of the members or debenture holders including himself or in disregard of his or their interests as \ members, shareholders or debenture holders of the company; or

(b) that some act of the company has been done or is threatened or that some resolution of the members, debenture holders or any class of them has been passed or is proposed which unfairly discriminates against or is otherwise prejudicial to one or more of the members or debenture holders, including himself.

Adalah jelas bahawa peruntukan ini meliputi cara hal ehwal syarikat dikendalikan dan keadaan apabila kepentingan seseorang ahli diabaikan.

[49] Adalah juga tidak dipertikaikan dan tidak dinafikan bahawa Plaintif masih berdaftar sebagai pengarah. Namun, status formal tersebut hendaklah dibandingkan dengan keadaan sebenar. Arahan pada 25 Julai 2024 supaya beliau tidak lagi datang ke pejabat, diikuti pertikaian berterusan mengenai akses sistem dan rekod kewangan, menunjukkan bahawa keupayaan praktikal Plaintif untuk melaksanakan fungsi pengarah dan melindungi kepentingannya sebagai ahli telah terjejas.

[50] Dalam kes ini Mahkamah tidak memutuskan bahawa setiap pertikaian pekerjaan atau penamatan fungsi pengurusan merupakan penindasan. Peletakan jawatan Plaintif sebagai Pengurus Operasi adalah perkara yang berasingan. Isu yang material ialah, selepas peletakan jawatan itu, Plaintif masih merupakan pengarah dan pemegang saham tetapi beliau tidak memperoleh akses kepada rekod kewangan yang diperlukannya untuk memahami kedudukan syarikat dan nilai sahamnya.

Akaun Kewangan Dan Akses Kepada Maklumat

[51] Penyata kewangan Defendan Kedua bagi tahun 2021 dan tahun-tahun seterusnya belum dimuktamadkan atau diedarkan ketika tindakan dimulakan. Kegagalan itu bukan bersifat teknikal dan sementar. Kegagalan itu telah berlanjutan sehingga beberapa tahun dan berlaku ketika syarikat menerima notis daripada LHDN yang memerlukan dokumen perakaunan dikemukakan.

[52] Mahkamah menerima fakta bahawa Plaintif pernah terlibat secara langsung dalam penyediaan rekod perakaunan dan pernah menandatangani akuan berkanun yang mengesahkan Plaintif sebagai pengarah yang bertanggungjawab terhadap rekod perakaunan dan pengurusan kewangan. Mahkamah akui bahawa fakta itu relevan, tetapi ianya tidak membuktikan bahawa tanggungjawab bagi semua tahun berikutnya terletak secara eksklusif pada Plaintif.

[53] Kewajipan memastikan syarikat menyimpan rekod yang betul dan menyediakan penyata kewangan ialah kewajipan korporat dan tanggungjawab lembaga. Adalah tidak memadai bagi Defendan Pertama menjawab aduan hanya dengan menyatakan bahawa Plaintif juga seorang pengarah. Tambahan pula Defendan Pertama mengawal operasi syarikat dan juga mengawal semua dokumen syarikat selepas Plaintif diarahkan tidak hadir ke pejabat.

[54] Surat bertarikh 24 Mac 2025 menunjukkan bahawa Plaintif menawarkan bantuan tanpa pengakuan liabiliti dan meminta akses kepada *Autocount* untuk membetulkan perkara yang didakwa. Sehubungan dengan tawaran Plaintif yang tersebut, Plaintif telah menerima surat balasan yang mengarahkan Plaintif untuk berhubung dengan akauntan. Namun, apabila Plaintif berbuat demikian, skop bantuan yang diminta adalah berkaitan akaun Embedded, bukan akaun Defendan Kedua.

[55] Defendan Pertama menafikan bahawa akses telah disekat, tetapi tiada bukti yang dikemukakan oleh Defendan pertama untuk menunjukkan bahawa kelayakan log masuk Autocount, akaun pengurusan atau dokumen sokongan Defendan Kedua benar-benar diberikan kepada Plaintif selepas Plaintif memintanya. Pengataan Plaintif bahawa beliau dinafikan akses tidak dijawab oleh Defendan Pertama dengan bukti, khususnya tentang bila, bagaimana dan dokumen apa yang diserahkan.

[56] Mahkamah ini tidak menerima hujahan Defendan Pertama bahawa penyata kewangan hanya tertangguh kerana kesilapan Plaintif. Defendan Pertama menyatakan bahawa beliau sedang bekerjasama dengan juruaudit dan mencari dokumen sokongan. Pengataan Defendan Pertama yang tersebut dengan sendiri menunjukkan bahawa dokumen dan arahan yang perlu untuk memuktamadkan akaun berada di bawah kawalan operasi Defendan Pertama selepas penglibatan Plaintif dalam Defendan Kedua berakhir.

[57] Sekiranya Defendan Pertama benar-benar memerlukan bantuan Plaintif, langkah yang sewajarnya ialah memberikan akses terkawal kepada sistem, mengenal pasti catatan yang dipertikaikan dan mengatur kerjasama khusus bersama juruaudit. Sebaliknya, Plaintif dipertanggungjawabkan atas ketidakpatuhan tetapi tidak diberikan akses dan maklumat yang munasabah untuk menyelesaikannya.

[58] Mahkamah berpuas hati bahawa kegagalan Defendan Pertama memberikan akses kepada Plaintif seperti yang diminta merupakan satu penyimpangan daripada standard urusan yang adil. la bukan sekadar kegagalan menyediakan akaun, malahan melibatkan kegagalan berpanjangan untuk memuktamadkan akaun, penafian akses, pemindahan tanggungjawab kepada Plaintif dan ketiadaan mekanisme yang membolehkan Plaintif mendapatkan gambaran status kewangan Defendan Kedua.

Prejudis Terhadap Plaintif Sebagai Ahli

[59] Persoalan seterusnya ialah sama ada prejudis itu dialami oleh Plaintif sebagai ahli. Mahkamah berpendapat bahawa sebagai ahli sememangnya Plaintif mengalami prejudis. Isu ini bermula dengan masalah akses kepada rekod dan pengurusan syarikat, tetapi kesannya tidak terhad kepada kedudukan Plaintif sebagai pengarah.

[60] Penyata kewangan dan rekod perakaunan merupakan asas untuk seseorang ahli mengetahui status kewangan syarikat, prestasi perniagaan, keuntungan yang boleh diagihkan dan nilai pegangan sahamnya. Dalam kes ini, Plaintif memiliki 10,000 saham tetapi Plaintif tidak dapat menentukan nilainya secara bermakna kerana

maklumat kewangan bagi beberapa tahun belum dimuktamadkan dan beliau tidak mendapat akses kepada pengurusan akaun syarikat.

[61] Seksyen 346 melindungi kepentingan ahli daripada pengabaian dan prejudis yang tidak adil, bukan hanya daripada pengambilalihan atau pelucutan hak milik saham.

[62] Mahkamah juga tidak menerima hujahan bahawa Plaintif mesti membuktikan kerugian kewangan yang telah direalisasikan sebelum mendapatkan relif. Mahkamah menegaskan bahawa ketidakupayaan Plaintif untuk menilai pegangan saham, mengetahui kedudukan keuntungan dan membuat keputusan bermaklumat tentang sama ada hendak mengekalkan atau melupuskan saham merupakan prejudis nyata terhadap Plaintif sebagai ahli.

[63] Prejudis tersebut khusus kepada Plaintif sebagai pemegang saham minoriti yang tidak mengawal maklumat. Walaupun ketidakpatuhan akaun juga boleh menjejaskan syarikat, aduan Plaintif mempunyai dimensi peribadi dan berasingan: beliau dinafikan maklumat yang diperlukan untuk memahami dan merealisasikan nilai 10% kepentingannya.

Penilaian keseluruhan

[64] Jika kes ini dilihat secara berasingan, iaitu peletakan jawatan Plaintif sebagai Pengurus Operasi, kelewatan dalam menyediakan akaun atau pertikaian dengan juruaudit, perkara-perkara ini mungkin tidak memenuhi peruntukan seksyen 346. Namun, Mahkamah perlu menilai keseluruhan corak perlakuan Defendan pertama terhadap Plaintif.

[65] Corak perlakuan Defendan pertama boleh dilihat daripada arahannya supaya Plaintif tidak hadir ke pejabat, mengurangkan penglibatan praktikal Plaintif, kegagalan berpanjangan untuk memuktamadkan penyata kewangan, permintaan dokumen oleh Plaintif yang tidak dipenuhi, ketiadaan akses Plaintif kepada Autocount dan meletakkan tanggungjawab secara eksklusif ke atas Plaintif tanpa memberikan akses yang diperlukan. Kesan kumulatifnya ialah Plaintif kekal sebagai ahli pada nama tetapi tidak mempunyai maklumat yang diperlukan untuk melindungi kepentingannya.

[66] Fakta kes ini dapat dibezakan dengan kes Wah Poh Keng Vs Wong Nyok Pin dan satu lagi (supra). Dalam kes tersebut, Plaintif masih meluluskan pembayaran, membuat pesanan bahan mentah, mengeluarkan invois dan bertindak sebagai pelulus bank dalam talian. Mahkamah secara khusus mendapati aksesnya kepada maklumat syarikat tidak disekat. Manakala dalam kes di hadapan Mahkamah ini, dapatan faktanya adalah sebaliknya.

[67] Fakta kes ini juga berbeza daripada Ghanesh. Dalam kes Ghanesh, terdapat penjelasan bahawa akaun tidak disediakan kerana kekurangan dana syarikat, dan ketidakpatuhan itu tidak dengan sendirinya membuktikan penindasan. Di sini, isu utama bukan ketiadaan akaun semata-mata tetapi penafian akses dan pengasingan maklumat dalam syarikat yang dikuasai 90% oleh Defendan Pertama.

[68] Setelah menganalisis keseluruhan isu dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa Defendan Pertama telah mengendalikan hal ehwal Defendan Kedua dengan cara mengabaikan kepentingan Plaintif sebagai ahli dan dengan cara yang tidak adil serta memudaratkannya dalam erti seksyen 346(1).

Prosiding Perceraian Dan Tujuan Sampingan

[69] Mahkamah sedar bahawa prosiding ini berlaku dalam konteks ketidak sefahaman dan keruntuhan perkahwinan pihak-pihak. Namun, kewujudan pertikaian matrimonial tidak menafikan personaliti berasingan Defendan Kedua atau hak statutori Plaintif sebagai pemegang saham berdaftar. Mahkamah mengambil maklum latar belakang matrimonial itu, tetapi tuntutan dalam prosiding ini diputuskan berdasarkan hak dan kepentingan Plaintif sebagai ahli Defendan Kedua.

[70] Tuntutan Plaintif dalam prosiding perceraian adalah terhadap bahagian tertentu daripada saham Defendan Pertama dan ianya berkaitan pembahagian harta perkahwinan. Tindakan di hadapan Mahkamah ini pula adalah berkenaan 10,000 saham yang telah didaftarkan atas nama Plaintif dan cara hal ehwal Defendan Kedua dikendalikan. Mahkamah menegaskan bahawa punca tindakan dan relifnya tidak sama sepenuhnya.

[71] Permohonan pembelian saham tidak dengan sendirinya menjadi bukti bahawa tindakan ini dimulakan untuk mendapatkan wang secara tidak wajar. Pembelian saham merupakan relif yang dinyatakan secara jelas dalam seksyen 346(2)(c). Fakta yang ada menunjukkan aduan sebenar dan berterusan mengenai akses maklumat serta akaun syarikat.

[72] Mahkamah ini berpendapat bahawa penglibatan Plaintif sebelum ini dalam penyediaan atau pengurusan

akaun tidaklah menjadikan atau menyebabkan tangannya tidak bersih sehingga semua relif patut ditolak. Penglibatan Plaintif yang tersebut telah diambil kira.

[73] Selanjutnya selepas pertikaian timbul, Plaintif meminta dokumen, menawarkan bantuan dan cuba berhubung dengan akauntan. Tiada bukti yang mencukupi bahawa Plaintif sengaja mewujudkan ketidakpatuhan dalam penyediaan akaun sebagai satu cara untuk menyokong tindakan ini.

Relif Yang Sesuai

[74] Setelah pihak Plaintif berjaya membuktikan asas seksyen 346, Mahkamah mempunyai budi bicara yang luas untuk membuat perintah yang difikirkan sesuai bagi menamatkan atau memulihkan perkara yang diadukan. Mahkamah berpendapat bahawa relif yang diberikan hendaklah setimpal dengan penindasan yang telah dibuktikan. Relif itu juga perlu bagi membolehkan perniagaan yang masih beroperasi terus berjalan.

[75] Hubungan kepercayaan antara pihak-pihak telah rosak dan mereka tidak lagi dapat bekerjasama secara berkesan. Plaintif hanya memegang 10%, manakala Defendan Pertama mengawal 90% saham serta operasi. Untuk Mahkamah ini memerintahkan mereka terus kekal dalam hubungan korporat yang sama, tidak akan menyelesaikan pertikaian yang dihadapi.

[76] Mahkamah berpendapat bahawa perintah pembelian saham ialah penyelesaian yang paling praktikal dan adil. la membolehkan Defendan Kedua meneruskan perniagaan, dan pada masa yang sama memberikan laluan keluar yang adil kepada Plaintif.

[77] Nilai 10,000 saham Plaintif hendaklah ditentukan oleh penilai bebas berdasarkan nilai adil pada tarikh perintah dan dengan Defendan Kedua dinilai sebagai suatu perniagaan berterusan. Tiada diskaun minoriti wajar dikenakan kerana penjualan itu diperintahkan sebagai remedi terhadap penindasan, bukan transaksi sukarela di pasaran terbuka.

[78] Penilaian tidak boleh dilaksanakan dengan berkesan tanpa rekod kewangan yang lengkap. Oleh itu, Mahkamah ini memerintahkan relif sampingan yang berada dalam kuasa luas Mahkamah di bawah seksyen 346(2) untuk memberikan kesan kepada perintah pembelian saham, iaitu supaya Defendan-Defendan mengemukakan akaun, penyata bank, lejar, baucar, rekod emolumen dan laporan inventori.

[79] Penggulungan pula merupakan relif terakhir. Defendan Kedua masih menjalankan perniagaan dan mempunyai operasi serta aset. Kepentingan Plaintif boleh dilindungi melalui pembelian saham dan penilaian bebas. Oleh itu, perintah menggulungkan Defendan Kedua adalah tidak sesuai.

Keputusan

[80] Berdasarkan alasan-alasan dan penilaian yang dihuraikan di atas, Mahkamah membenarkan Saman Pemula (Lampiran 1) seperti berikut:

(a) suatu deklarasi bahawa Defendan Pertama telah mengendalikan hal ehwal Defendan Kedua dengan cara yang mengabaikan, tidak adil dan memudaratkan kepentingan Plaintif sebagai pemegang saham minoriti;

(b) Defendan Pertama hendaklah membeli 10,000 saham milik Plaintif dalam Defendan Kedua pada nilai adil yang ditentukan oleh penilai bebas;

(c) penilaian hendaklah dibuat pada tarikh perintah, atas dasar bahawa Defendan Kedua ialah suatu perniagaan berterusan dan tanpa diskaun minoriti;

(d) penilai bebas hendaklah diberikan akses penuh kepada semua dokumen dan maklumat yang relevan, dan kos penilaian hendaklah ditanggung oleh Defendan Pertama;

(e) dalam tempoh 14 hari, Defendan-Defendan hendaklah mengemukakan penyata kewangan, akaun pengurusan, penyata bank, lejar am, baucar pembayaran, rekod emolumen pengarah dan laporan inventori yang relevan bagi tahun 2021 hingga kini untuk tujuan penilaian; dan

(f) pihak-pihak diberikan kebebasan untuk memohon arahan lanjut bagi pelantikan penilai, skop penilaian, akses dokumen, tempoh pembayaran atau pelaksanaan perintah pembelian saham.

[81] Permohonan alternatif untuk menggulung Defendan Kedua ditolak.

[82] Kos Saman Pemula ini sejumlah RM5,000.00 diberikan kepada Plaintif, tertakluk kepada alokatur.

End of Document